

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

SELASA, 11 MEI, 1982

KEJAYAAN MENCABAR KEBOLEHAN PEMIMPIN

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

JIKA Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, terpaksa mengingatkan wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin parti yang telah menang dalam pilihanraya lalu supaya jangan khayal dengan kemenangan dan kuasa yang kini di tangan mereka tentulah ini bukan tanpa sebab. Beliau sendiri menekankan betapa perasaan kebanggaan yang keterlaluan boleh menyebabkan setengah pemimpin melupakan tanggungjawab mereka kepada rakyat dan masyarakat. Hakikat ini seharusnya disedari sepenuhnya oleh seluruh barisan pemimpin yang kini menerajui kepimpinan politik dan pentadbiran negara baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan.

Kemenangan cemerlang untuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kali ini adalah suatu mandat yang menyeluruh dari rakyat dan suatu amanah dari kepimpinan parti. Jika rakyat mengeneplikan calon-calon lain untuk

meletakkan calon-calon Barisan Nasional di Dewan-dewan Undangan Negeri atau di Parlimen tentulah mereka mengharapkan supaya wakil-wakil mereka ini akan lebih berusaha meneruskan kemajuan yang telah tercapai dan membawanya setapak lagi ke tahap yang lebih tinggi dan sempurna. Demikian juga halnya dengan pemilihan yang telah dibuat oleh pucuk pimpinan parti. Orang-orang yang dibenarkan bertanding tentulah mereka yang dipercayai lebih berkemampuan mendukung cita-cita dan aspirasi parti untuk melahirkan suatu sistem kepimpinan yang lebih cekap dan berkesan.

Jadi jelaslah bahawa kemenangan yang telah diterima oleh Barisan Nasional itu — atau yang diterima oleh mana-mana juga parti yang berkuasa — adalah suatu cabaran yang amat berat. Pemimpin-pemimpin yang terpilih, khususnya yang baru dan yang masih muda, seharusnya menumpukan sepenuh tenaga dan usaha mereka kepada membuktikan kebolehan dan

kesungguhan mereka kepada rakyat dan parti mulai sekarang. Apa yang akan dapat mereka hasilkan dalam lima tahun yang akan datang bergantung-bukan sedikit kepada apa yang mereka lakukan hari ini.

Sama ada gabungan pemimpin-pemimpin muda berdarah segar dengan tokoh-tokoh lama yang lebih berpengalaman ini akan berjaya menghasilkan suatu kombinasi kepimpinan yang lebih berkaliber dan dinamis tentulah bergantung kepada sejauh manakah mereka dapat memahami dengan setepat-tepatnya konsep dan matlamat kuasa yang diberikan kepada mereka dan menguasai cara-cara menggunakannya dengan lebih terancang dan sistematik dalam jangka masa yang sesingkat-singkatnya. Hanya dengan demikian sahaja kemenangan yang telah tercapai ini akan dapat mengisi hasrat kemajuan yang diharapkan oleh parti dan masyarakat yang telah sama-sama menghasilkannya.